

## LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Insurans Pakej BizGuard

Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Insurans Pakej BizGuard. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

### 1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan anda perlindungan komprehensif bagi perniagaan anda.

### 2. Apakah jenis perlindungan/manfaat yang diberi?

Polisi ini melindungi

#### • Seksyen I - Insurans Kebakaran

- A. Kebakaran dan Bencana Khas - kerugian atau kerosakan akibat Kebakaran dan/atau Bencana Khas
- B. Kerugian Turutan Kebakaran - kehilangan hasil yang ditanggung yang timbul daripada kerugian dan/atau kerosakan disebabkan oleh Kebakaran dan/atau Bencana Khas

#### • Seksyen II - Insurans Pelbagai

- A. Pecah Masuk (Kerugian Pertama) - kecurian akibat menerobos masuk, pecah masuk ke dalam atau keluar daripada premis tersebut
- B. Wang - kehilangan wang semasa dalam transit atau semasa disimpan dalam premis anda
- C. Kepingan Kaca - kaca pecah secara tidak sengaja yang dipasang di premis anda
- D. Neon/Papan Tanda Tetap - kerosakan tidak sengaja atau kecurian kepada neon/papan tanda yang dipasang di premis anda
- E. Liabiliti Awam - kerugian atau kerosakan kepada harta benda Pihak Ketiga atau kecederaan anggota disebabkan oleh kecuaiannya
- F. Liabiliti Majikan - menanggung rugi anda terhadap liability undang-undang untuk membayar pampasan dan kos dan pembelanjaan kepada pekerja-pekerja anda berhubung dengan kecederaan badan akibat kemalangan atau menghidap penyakit yang terbit daripada dan di dalam tempoh penggajiannya
- G. Kemalangan Diri (tanpa nama sehingga 5 pekerja) - melindungi pekerja anda daripada kecederaan anggota yang dialami semata-mata dan secara langsung melalui kemalangan, cara tidak sengaja, ganas, luaran dan boleh dilihat yang timbul daripada dan semasa berkhidmat dengan anda

#### • Seksyen III - Insurans Opsyenal

- A. Mesin dan Peralatan - kerugian atau kerosakan kepada mesin dan peralatan yang berkaitan dengan perniagaan anda disebabkan oleh kebakaran (dan bencana khas yang dilindungi di bawah sub seksyen Insurans Kebakaran), kerosakan atau kecurian akibat menerobos masuk, pecah masuk ke dalam premis tersebut
- B. Kemalangan Diri bagi Pekerja-pekerja Asing (dengan nama) - melindungi pekerja-pekerja asing anda dari segi kecederaan diri yang dialami dalam kemalangan yang berlaku di luar masa bekerja
- C. Jaminan Setia - melindungi anda dari segi sebarang kerugian wang secara langsung yang anda mungkin menanggung disebabkan oleh perbuatan penipuan atau ketidakjujuran yang dilakukan oleh mana-mana pekerja anda
- D. Peralatan Elektronik (Kerosakan Komputer) - kehilangan atau kerosakan fizikal kepada peralatan elektronik/komputer berkaitan dengan perniagaan anda semasa berada di premis anda

**Seksyen I dan Seksyen II** adalah wajib dan hendaklah diambil bersama. Sebaik sahaja pelan khusus dipilih dalam Seksyen II, pelan yang sama akan diguna pakai kepada Seksyen III, jika anda ingin mengambil Insurans Opsyenal yang tersedia.

Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

### 3. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada jumlah diinsuranskan bagi Seksyen I dan pelan yang dipilih bagi Seksyen II. Premium tambahan akan dikenakan jika Insurans Opsyenal diperlukan.

Seksyen I :	Jumlah diinsuranskan RM _____	Premium RM _____
	Kadar dikenakan _____ %	

	Pelan A	Pelan B	Pelan C
Seksyen II :	RM432.50	RM750.00	RM1,090.00
Perlindungan tambahan bagi Kemalangan Diri (Dengan nama)	RM10.00 setiap orang	RM15.00 setiap orang	RM20.00 setiap orang
Seksyen III (Opsyenal) :	Jumlah Kadar Kebakaran + 0.05% X Jumlah diinsuranskan		
Mesin dan Peralatan			
Kemalangan Diri bagi Pekerja-pekerja asing (Dengan nama)	RM10.00 setiap orang	RM15.00 setiap orang	RM20.00 setiap orang
Jaminan Setia	RM37.50	RM62.50	RM87.50
Peralatan Elektronik (Kerosakan Komputer)	RM37.50	RM75.00	RM112.50

Jumlah premium teranggar yang anda perlu bayar untuk Seksyen I, Seksyen II dan Seksyen III (jika diperlukan) ialah : RM \_\_\_\_\_

#### 4. Apakah jenis caj-caj dan/atau yuran yang perlu saya bayar?

Caj-caj dan/atau yuran yang anda perlu bayar adalah:

Jenis	Amaun
Cukai Perkhidmatan	6% daripada premium
Duti Setem	Seksyen I - RM10.00 Seksyen II & III - RM10.00
Komisen ejen apabila melibatkan seorang pengantara	Seksyen I - 15% daripada premium Seksyen II & III - 25% daripada premium

#### 5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ambil perhatian?

##### • Kepentingan Pendedahan

###### ○ Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Syarikat dengan penuh dan tepat dan mededahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

###### ○ Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- Anda dikehendaki memaklumkan insuran ejen anda atau pihak kami dengan memberi notis bertulis tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh perlindungan polisi untuk memastikan pindaan-pindaan yang wajar diendorskan pada polisi anda.
- Anda dikehendaki mengambil semua langkah yang munasabah untuk melindungi daripada kerugian atau kerosakan dan/atau kecurian.
- Lebihan, iaitu amaun yang anda perlu tanggung sebelum kami membayar ganti rugi kepada anda.
- Anda harus memastikan jumlah diinsuranskan adalah berpatutan, jika tidak syarat purata akan dikenakan apabila jumlah diinsuranskan dalam polisi adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku. Anda dianggap akan menanggung sendiri terhadap perbezaannya. Anda boleh log masuk ke [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com) untuk menggunakan Kalkulator Kos Bangunan (BCC) sebagai rujukan anda.
- Insurans ini tertakluk kepada 60 hari warranti premium, contoh : premium mesti dibayar dan diterima oleh pihak kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan polisi. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi maka polisi ini dibatalkan secara automatik dan penangguhan insurans adalah berhak terhadap premium pro-rata sepanjang tempoh mereka menanggung risiko.

#### 6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu, seperti:

- Peperangan, peperangan saudara, rusuhan, kekecohan awam dan sebarang perbuatan Penganasan
- Risiko Radioaktif dan Tenaga Nuklear
- Pengecaman Tarikh
- Kerosakan Harta kepada data atau perisian

*Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila merujuk kepada dokumen polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.*

#### 7. Bolehkah saya batalkan polisi ini dan apakah caranya untuk membatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium berdasarkan \*Jadual Kadar Jangka Pendek bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minima yang harus dibayar di bawah polisi ini. Tiada pemulangan premium akan dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah polisi.

**\*Jadual Kadar Jangka Pendek**

<b>Tempoh tidak melebihi</b>	<b>Peratusan (%) Bayaran Balik</b>
15 hari	90
1 bulan	80
2 bulan	70
3 bulan	60
4 bulan	50
5 bulan	40
6 bulan	30
7 bulan	25
8 bulan	20
9 bulan	15
10 bulan	10
11 bulan	5
12 bulan	0

**8. Apa yang patut saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat?**

Adalah penting untuk anda menghubungi kami bagi sebarang maklumat bagi memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**AmGeneral Insurance Berhad**

Menara Shell,  
No. 211, Jalan Tun Sambanthan,  
50470, Kuala Lumpur,  
Malaysia

Talian Bebas : 1-800-886-333  
Faks : 03-2268-2222  
E-mel : [customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)  
Laman Web : [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

**10. Jenis perlindungan insurans Am lain yang tersedia:**

Sila rujuk cawangan dan ejen-ejen kami untuk maklumat mengenai jenis-jenis perlindungan seumpamanya yang disediakan.

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

AmGeneral Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Informasi yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini adalah sah pada 1 September 2018.